

3

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

- Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

1. PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH

ABSTRAK

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berperanan untuk memperluas liputan bekalan air bersih dan selamat di kawasan luar bandar dengan keutamaan kepada kawasan pedalaman.

Pengauditan meliputi projek penyambungan paip retikulasi, pembinaan loji rawatan serta projek alternatif bagi RMKe-11 dan sambungan RMKe-10. Fokus utama pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan bertujuan menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat.

Secara keseluruhannya, objektif projek BALB Sarawak dan Sabah adalah tidak tercapai. Terdapat kelemahan terhadap fungsi dan pelaksanaan projek yang tidak selari dengan objektif BALB berkaitan taraf kesihatan dan kualiti hidup yang tidak dapat diukur. Sasaran pencapaian projek tidak konsisten kerana diturunkan dari penetapan asal tanpa justifikasi. Terdapat projek yang telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri tidak diguna dan diselenggara serta peruntukan disalurkan tidak dibuat pembayaran pada tahun semasa.


1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dilaksanakan di bawah Skim *Accelerated Rural Water Supply* bermula dari RMKe-2 dengan kaedah pembiayaan 80% pinjaman dan 20% geran Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) sebagai agensi pelaksana. Bermula RMKe-8, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah dilantik sebagai agensi pelaksana dengan kaedah pembiayaan secara 100% geran Kerajaan Persekutuan. Dasar Pembangunan Luar Bandar 2019 - Teras empat : Prasarana Lengkap (PL) dan canggih, PL1 Langkah Dua telah memperincikan program dan projek, kumpulan sasar, agensi peneraju dan sokongan serta hasilan program bekalan air luar bandar. Pelaksanaan program di bawah dasar ini telah dibahagikan kepada tiga fasa pelaksanaan iaitu Fasa I (2019-2020), Fasa II (2021-2025) dan Fasa III (2026-2030).

1.2. Objektif BALB adalah untuk menyediakan kemudahan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan. Penyediaan bekalan air bersih dan terawat meliputi kawasan penempatan luar bandar di seluruh negara termasuk kampung-kampung tradisional, kampung-kampung tersusun, rumah panjang di Sabah dan Sarawak, perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan rumah pekerja estetik kecil iaitu 1,000 hektar ke bawah serta di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

1.3. Sebelum tahun 2018, pemasangan paip komunikasi adalah sehingga 50 meter dari tapak *meter stand* dengan kos purata RM100,000 bagi setiap rumah, bagaimanapun mulai tahun 2018, kos purata projek telah mengalami kenaikan kepada RM120,000 bagi setiap rumah. Skop projek BALB juga telah diperluaskan kepada pemasangan saluran paip air maksima sehingga ke dapur rumah beserta satu pili paip berdiri.

1.4. Skop projek BALB terdiri daripada BALB Retikulasi, BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji dan BALB Alternatif dengan komponen seperti **Rajah 1**.




Sumber: Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB pada 31 Mei 2017
Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB pada November 2021

- BALB Retikulasi merupakan sambungan paip retikulasi daripada paip utama PBAN ke kampung-kampung sehingga ke dapur rumah beserta satu pili paip berdiri termasuk pembinaan tangki simpanan air dan stesen pam penggalak bagi tujuan menyediakan bekalan air bersih dan terawat. Di Sabah, BALB Retikulasi termasuk kaedah sekunder iaitu penyambungan paip dari sistem paip PBAN sedia ada ke rumah dan perolehan dibuat secara sebut harga.
- BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji merupakan pembinaan loji rawatan air baru atau menaik taraf loji rawatan air sedia ada.

- c. BALB Alternatif merupakan pembinaan telaga tiub, telaga terbuka, sistem air graviti dan sebagainya bagi membekalkan air bersih kepada penduduk di luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan bekalan air melalui sistem retikulasi. Di Sarawak, BALB Alternatif dilaksanakan secara gotong-royong oleh penduduk kampung dengan pemantauan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) atau Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), manakala di Sabah ianya dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik melalui perolehan secara sebut harga.

1.5. Proses kerja BALB Retikulasi, BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji, dan BALB Alternatif adalah seperti dalam **Rajah 2**.

**RAJAH 2
PROSES KERJA PROJEK BALB**



Sumber: Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB pada 31 Mei 2017
Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB pada November 2021

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada projek BALB Sarawak dan Sabah dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat.


3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi pencapaian projek dan pengurusan projek. Pengurusan projek pula merangkumi pengurusan kewangan dan status selepas penyerahan projek iaitu pengoperasian dan penyenggaraan.

3.2. Skop pengauditan projek BALB Sarawak dan Sabah meliputi projek sambungan dari RMKe-10 dan RMKe-11 (2016 - 2020) yang dilaksanakan oleh KKDW sehingga *Certified Practical Completion* (CPC) dikeluarkan sebelum projek diserahkan kepada PBAN.

3.3. Justifikasi pemilihan sampel adalah mengikut skop program, status projek, operator air/penduduk kampung dan kaedah pengauditan seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
SAMPEL PENGAUDITAN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

3.4. Sebanyak 36 projek (37.5%) daripada 96 projek BALB Sarawak dan 102 projek (21.4%) daripada 477 projek BALB Sabah telah dipilih sebagai sampel Audit.

3.5. Operator air yang terlibat dalam pemilihan sampel BALB Sarawak melibatkan 21 projek di bawah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak, dua di bawah Lembaga Air Kuching (LAK), satu di bawah LAKU Management Sdn. Bhd. dan satu di bawah Lembaga Air Sibu (LAS). Bagi BALB Sabah, kesemua 87 projek adalah di bawah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). 11 sampel projek BALB Alternatif di Sarawak dan 15 sampel di Sabah disenggara oleh penduduk kampung.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen, menganalisis data di Kementerian/Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi yang terlibat serta pemeriksaan fizikal di tapak projek antara bulan Disember 2022 hingga Oktober 2023 untuk menilai prestasi dan pengurusan projek. Perekodan, perbincangan, edaran borang soal selidik dan temu bual turut diadakan bersama penerima manfaat serta pegawai yang terlibat.


5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan dari bulan Disember 2022 hingga Oktober 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas yang diterima telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 22 Disember 2023. Penjelasan lanjut penemuan Audit seperti berikut:

5.1. Prestasi Pencapaian Projek BALB

- a. Berdasarkan Garis Panduan Program BALB pada 31 Mei 2017 dan November 2021, objektif utama program BALB adalah menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan serta memperluaskan bekalan air di kawasan luar bandar di seluruh negara. Ianya selari dengan Strategi D2, Buku RMKe-11 dan Strategi satu, Aspirasi Teras empat, Dasar Pembangunan Luar Bandar. Ia bertujuan untuk memperluas liputan bekalan air bersih dan selamat serta elektrik, termasuk melalui sumber alternatif di kawasan luar bandar dengan keutamaan kepada kawasan pedalaman serta berasaskan Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-11 dan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023.
- b. Penetapan objektif, output dan keberhasilan bagi projek BALB Sarawak di bawah RMKe-11 telah diselaraskan semula pada 3 Mei 2023 dengan kelulusan Ketua Setiausaha (KSU) KKDW melibatkan Bahagian Prasarana sahaja. Perubahan ketara melibatkan penetapan semula output projek BALB Sarawak dari 40,000 rumah dibekalkan dengan bekalan air bersih dan terawat kepada penyediaan akses bekalan air bersih dan terawat kepada 6,100 rumah. Penetapan output projek BALB Sabah pula dipinda dari 38,000 rumah dibekalkan dengan air bersih dan terawat kepada penyediaan akses bekalan air bersih dan terawat kepada 6,300 rumah.
- c. Keberhasilan projek BALB Sarawak dipinda dari menyediakan akses kepada kemudahan air bersih dan terawat untuk dinikmati oleh rakyat serta taraf kesihatan penduduk menjadi bertambah baik kepada 30,500 penduduk. Keberhasilan projek BALB Sabah pula dipinda dari menyediakan kemudahan asas kepada 190,000 isi rumah kepada 31,500 penduduk mendapat akses bekalan air bersih dan terawat. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 4**.

RAJAH 4 OBJEKTIF DAN PENCAPAIAN PROJEK BALB SARAWAK DAN SABAH



Sumber: Memo kelulusan Ketua Setiausaha KKDW bertarikh 3 Mei 2023

Maklum balas KKDW yang diterima pada 27 Disember 2023

Kaedah pengukuran yang diguna pakai dalam penetapan output 40,000 rumah bagi BALB Sarawak dan 38,000 rumah bagi BALB Sabah dalam SPP II tidak dapat dikenalpasti dan disahkan kerana penetapan sasaran di bawah RMKe-11 dan KSP RMKe-11 adalah untuk keseluruhan Malaysia. Sasaran tersebut turut meliputi pelaksanaan oleh agensi lain sepertimana yang disenaraikan di bawah Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD), RMKe-11.

Penetapan sasaran output adalah berdasarkan kebolehcapaian sasaran pada tahun tersebut dan jangkaan projek yang dapat disiapkan pada tahun semasa. Pengiraan keberhasilan adalah dengan andaian lima orang isi rumah dalam satu rumah akan mendapat manfaat bekalan air bersih dan terawat apabila projek siap dalam tahun berkenaan. Sasaran output bagi Projek BALB Sarawak dan Sabah di bawah Bahagian Prasarana yang dibuat pelarasan semula adalah seperti berikut:

Sasaran Output Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah yang Diselaraskan Semula Pada 3 Mei 2023

Tahun	Sasaran BALB Sarawak (Bilangan Rumah)	Sasaran BALB Sabah (Bilangan Rumah)
2016	1,000	1,000
2017	1,000	1,000
2018	600	800

Tahun	Sasaran BALB Sarawak (Bilangan Rumah)	Sasaran BALB Sabah (Bilangan Rumah)
2019	1,500	1,500
2020	2,000	2,000
Jumlah	6,100	6,300

5.1.1. Prestasi Pencapaian Projek BALB Sarawak

- a. Semakan Audit terhadap laporan perincian pelaksanaan projek BALB Sarawak di bawah RMKe-10 dan RMKe-11 setakat Oktober 2023 mendapati sebanyak 96 projek BALB Sarawak telah diluluskan dengan pecahan mengikut tiga skop utama iaitu 28 projek (29.2%) BALB Retikulasi, tujuh Projek (7.3%) BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji dan 61 Projek (63.5%) BALB Alternatif.
- b. Status pencapaian prestasi projek BALB Sarawak adalah sebanyak **75 projek siap (78.1%), 18 projek yang belum siap (18.8%) melibatkan enam projek dalam pelaksanaan dan 12 projek dalam perancangan serta tiga projek (3.1%) batal**. Enam projek dalam pelaksanaan adalah melibatkan lima projek BALB Retikulasi dan satu projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji dengan 13 pelanjutan masa (EOT). Sebanyak 12 projek dalam perancangan melibatkan enam projek BALB Retikulasi dan enam projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji. Tiga projek Alternatif yang batal adalah disebabkan tiada kontraktor yang berminat untuk mengemukakan sebut harga. Ketiga-tiga projek tersebut bagaimanapun telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri Sarawak.
- c. Semakan Audit terhadap 19 sampel pengauditan bagi projek siap mendapati 11 projek telah lewat siap daripada tempoh yang ditetapkan dengan jumlah EOT antara satu hingga lima EOT. Tempoh kelewatan antara 75 hingga 460 hari. **Pihak Audit mendapati tujuh daripadanya siap pada RMKe-12 mengakibatkan 8,056 bilangan rumah lewat menerima akses bekalan air bersih dan terawat dalam tempoh ditetapkan.**
- d. Semakan lanjut terhadap 12 projek dalam perancangan dengan kos berjumlah RM888.32 juta, telah mendapat kelulusan pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Kesemua projek dalam perancangan telah dilantik perunding dan tempoh **kelewatan antara lima hingga tujuh tahun** daripada tahun kelulusan projek menyebabkan **9,608 bilangan rumah tidak menerima akses bekalan air bersih dan terawat**. Status projek dalam perancangan BALB Sarawak adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
STATUS PROJEK DALAM PERANCANGAN BALB SARAWAK

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Januari 2024)
1. Retikulasi						
1.	Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 4 - Sri Aman	8.60	2016	7	82	Tender ditutup 29.09.2023 dan peringkat penilaian tender kontraktor
2.	Kawasan Puncak Borneo Fasa II, Bahagian Kuching	129.00	2017	6	1,424	Makmal Kejuruteraan Nilai - suku kedua 2024
3.	Kawasan Bau/Lundu/Sematan, Bahagian Kuching	129.00	2017	6	980	Permohonan iklan tender dikemukakan ke Bahagian Perolehan pada 02.11.2023
4.	Jalan Oya, Bahagian Sibu	15.40	2018	5	126	Projek ditender - suku kedua 2024
5.	Jalan Lubok Bembau/Bk Engkerbai/Ulu Sikat, Bahagian Mukah	17.90	2018	5	400	Projek ditender - suku ketiga 2024
6.	Jalan Ulu Pandan, Bahagian Bintulu	51.00	2018	5	660	Makmal Kejuruteraan Nilai - suku ketiga 2024
2. Naik Taraf Loji						
7.	Projek Menaiktaraf Loji Air Sekuau, Selangau, Bahagian Sibu	117.04	2017	6	980	Makmal Kejuruteraan Nilai - Februari 2024
3. Bina Baru Loji						
8.	Wilayah Sangan, Bahagian Bintulu	137.28	2017	6	1,128	Makmal Kejuruteraan Nilai - suku kedua 2024
9.	Kawasan Ulu Limbang, Bahagian Limbang	44.20	2018	5	216	Projek ditender - suku pertama 2024 (tertakluk pengesahan JBALB)
10.	Kawasan Long Lama, Bahagian Miri	58.00	2018	5	602	Makmal Kajian Nilai - Januari 2024
11.	Kawasan Julau Fasa II, Bahagian Julau	78.90	2018	5	882	Makmal Kejuruteraan Nilai - Suku ketiga 2024
12.	Kawasan Pantu Fasa III, Bahagian Sri Aman	102.00	2018	5	2,128	Makmal Kajian Nilai - Julai 2024
JUMLAH KESELURUHAN		888.32			9,608	

Sumber: Maklumat Peruntukan Program BALB Sarawak sehingga Oktober 2023 Mengikut Butiran Projek, KKDW dan Maklum Balas KKDW bertarikh 18 Januari 2024

5.1.2. Prestasi Pencapaian Projek BALB Sabah

- a. Semakan Audit terhadap perincian pelaksanaan projek BALB Sabah di bawah RMKe-10 dan RMKe-11 setakat Oktober 2023 mendapati sebanyak 477 projek BALB Sabah telah diluluskan dengan pecahan mengikut tiga skop utama iaitu 361 projek (75.7%) BALB Retikulasi, 16 Projek (3.3%) BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji dan 100 Projek (21%) BALB Alternatif.

- b. Status pencapaian prestasi projek BALB Sabah adalah **430 projek siap (90.1%), 32 projek yang belum siap (6.7%) dan 15 projek batal (3.2%). 32 projek yang belum siap melibatkan lapan projek dalam pelaksanaan dan 24 projek dalam perancangan.** Lapan projek dalam pelaksanaan terdiri daripada lima projek BALB Retikulasi dan tiga projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji. Sebanyak 24 projek dalam perancangan melibatkan 15 projek BALB Retikulasi dan sembilan projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji.
- c. Sebanyak 15 projek batal terdiri daripada 14 projek BALB Retikulasi (termasuk tiga projek BALB Sistem Paip Sekunder) dan satu projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji melibatkan **9,682 bilangan rumah telah dibatalkan kerana sumber air mentah dan terawat tidak mencukupi dan tiada jalan masuk ke tapak projek yang dicadangkan.**
- d. Semakan Audit terhadap 59 sampel pengauditan bagi projek siap mendapati 22 projek **telah lewat siap dengan satu hingga empat EOT, melibatkan tempoh antara 17 hingga 667 hari.**
- e. Sebanyak 24 projek dengan kos berjumlah RM758.84 juta masih dalam perancangan walaupun telah mendapat kelulusan projek pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Sehingga Oktober 2023, tempoh **kelewatan antara lima hingga tujuh tahun** daripada tahun kelulusan menyebabkan **22,621 bilangan rumah masih belum menerima akses bekalan air bersih dan terawat** dan kesemua projek dalam perancangan telah dilantik perunding. Status projek dalam perancangan BALB Sabah adalah seperti dalam **Jadual 2.**

JADUAL 2
STATUS PROJEK DALAM PERANCANGAN BALB SABAH

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Disember 2023)
1. Retikulasi						
1.	Jalan Bukit Quion dan Kawasan Sekitarnya, Balung, Tawau	33.00	2016	7	640	Projek sedia ditender, namun perlu angkat Nota Perubahan (NOC) kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
2.	Pembinaan Telaga Tiub di Loji Rawatan Air Pekan, Kota Belud	8.50	2016	7	4,420	SST 22.11.2023

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Disember 2023)
3.	Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 7 - Daerah Semporna	10.00	2016	7	416	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
4.	Kg. Maang, Kg. Limbanak, Kg. Sugud dan Sekitarnya	43.90	2017	6	434	Reka Bentuk Terperinci
5.	Kg. Bangingod, Kg. Sri Hak Dan Kg. Telibas, Tungku, Lahad Datu	15.50	2017	6	211	SST 22.11.2023
6.	Sistem Retikulasi Tahun 2017/2018 Negeri Sabah - Bahagian Ranau	14.10	2017	6	105	SST 06.09.2023
7.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Kota Kinabalu	11.50	2018	5	650	Reka Bentuk Terperinci
8.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah - Bahagian Tawau	14.32	2018	5	220	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
9.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Sandakan	15.00	2018	5	331	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
10.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Keningau	18.00	2018	5	650	SST 14.09.2023
11.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Lahad Datu	12.00	2018	5	146	SST 27.09.2023
12.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Ranau	12.70	2018	5	916	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
13.	Mesej Kaingaran dan Kawasan Sekitarnya, Tambunan	17.52	2018	5	1,098	Reka Bentuk Konsep
14.	Sistem Agihan dan Retikulasi Daerah Pitas	96.45	2018	5	4,693	Tender dijangka suku pertama 2024

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Disember 2023)
15.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Beaufort	10.30	2018	5	249	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat pada suku pertama 2024.
2. Retikulasi dan Naik Taraf Loji/ Bina Baru Loji						
16.	Kg. Moyog Atas dan Kawasan Sekitarnya, Penampang	48.00	2016	7	984	Selesai Makmal <i>Value Assessment</i> (VA) pada Jun 2023. <i>Value Engineering</i> (VE) dijangka pada 2024.
17.	Pekan Sepulut dan Kawasan Sekitarnya	37.00	2016	7	534	Reka Bentuk Terperinci
18.	Mukim Bundu Tuhan, Ranau	35.00	2016	7	905	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
19.	Loji Air Mahua, Tambunan	64.70	2017	6	832	Makmal VA Julai 2024
20.	Kg. Kapa - Kg. Sinalapak dan Sekitarnya, Tamparuli	86.35	2017	6	1,458	Projek dibatalkan JANS 07.09.2023 dan dipersetujui Pengurusan Tertinggi KKDW 16.10.2023.
21.	Loji Air Bongawan, Membakut	34.00	2017	6	784	Reka Bentuk Terperinci
22.	Menaiktaraf Loji Rawatan Air Senagang	41.00	2018	5	1,098	Projek perlu Makmal VA pada 2024 kerana kos projek terkini melebihi RM50 juta. VA dijangka April 2024.
23.	Menaiktaraf Loji Rawatan Air Kanibongan	10.00	2018	5	112	SST 04.10.2023
24.	Kuala Penyu, Sabah	70.00	2018	5	735	VE pada 2024
JUMLAH KESELURUHAN		758.84			22,621	

Sumber: Maklumat Peruntukan Program BALB Sabah Sehingga Oktober 2023 Mengikut Butiran Projek, KKDW dan Maklum Balas KKDW Bertarikh 27 Disember 2023

Maklum balas yang diterima daripada KKDW pada 2 Oktober 2023 dan 27 Disember 2023

Kelewatan projek BALB Sarawak dan Sabah dalam peringkat perancangan adalah disebabkan oleh perkara seperti berikut:

- Projek memerlukan tempoh bagi pelantikan perunding;
- Penyediaan reka bentuk dan kelulusan mengambil tempoh yang lama;
- Bantahan dan pencerobohan penduduk di tapak projek;
- Perubahan dasar Kerajaan yang melibatkan kaedah perolehan;

- e. Pelaksanaan Makmal Kajian Nilai setelah reka bentuk terperinci disediakan oleh perunding;
- f. Perubahan skop kerja selaras dengan keputusan Makmal Kajian Nilai;
- g. Bergantung kepada prestasi pelaksanaan projek lain yang dilaksanakan oleh Agensi lain;
- h. Isu dasar di bawah skop Program BALB KKDW;
- i. Prestasi perunding; dan
- j. Perancangan projek terjejas berikutan penularan wabak Covid-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sepanjang Mac 2020 sehingga Oktober 2021.

Antara penambahbaikan pengurusan projek BALB Sarawak dan Sabah adalah:

- i. Makmal Kajian Nilai dilaksanakan lebih awal setelah reka bentuk konsep dan *schematic diagram* disedia dan diluluskan oleh PBAN. Penetapan hala tuju projek dan keputusan reka bentuk, skop dan kos dikenalpasti lebih awal berbanding Makmal Kajian Nilai sebelum ini yang hanya dilaksanakan setelah rekabentuk terperinci diluluskan oleh PBAN;
- ii. penglibatan Jabatan Tanah dan Ukur dalam Mesyuarat Rekabentuk Projek BALB yang dilaksanakan secara berkala. Penglibatan ini memberi ruang untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai status terkini permohonan pengambilan balik tanah yang dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Ukur; dan
- iii. mengenalpasti isu-isu utama yang menghalang kebolehlaksanaan projek dengan lebih awal seperti bantahan penduduk, pertindihan projek dan sumber air.

Projek yang dikenalpasti mempunyai isu/masalah semasa peringkat perancangan, projek tersebut boleh dicadangkan untuk ditangguhkan/dibatalkan lebih awal bagi mengelakkan pembaziran sumber.


5.1.3. Pencapaian Projek BALB Retikulasi dan BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji Sarawak dan Sabah

- a. KKDW mensasarkan prestasi pencapaian projek melibatkan BALB Retikulasi dan BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji sahaja serta tidak termasuk BALB Alternatif di mana ia hanya menyediakan air bersih.
- b. Analisis Audit mendapati pencapaian sebenar BALB Sarawak adalah 15,248 rumah melibatkan 76,240 penduduk melalui 17 projek siap daripada 96 projek. Ini bermakna pencapaian rumah dan penduduk yang mendapat akses bekalan air

bersih dan terawat adalah 250% berbanding sasaran 6,100 rumah yang telah diselaraskan semula pada 3 Mei 2023.


- c. Bagaimanapun, analisis Audit selanjutnya terhadap 35 projek melibatkan 29,397 rumah atau 146,985 penduduk mendapati pencapaian sebenar projek sehingga Oktober 2023 hanya sebanyak 51.9%. Ini bermakna **14,149 rumah atau 70,745 penduduk masih belum mendapat akses bekalan air bersih dan terawat** disebabkan projek tidak mengikut perancangan dan tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan.
- d. Analisis Audit mendapati pencapaian sebenar BALB Sabah adalah 20,790 rumah melibatkan 103,950 penduduk melalui 330 projek. Ini bermakna pencapaian rumah dan penduduk yang mendapat akses bekalan air bersih dan terawat adalah 330% berbanding sasaran 6,300 rumah yang telah diselaraskan semula pada 3 Mei 2023.
- e. Bagaimanapun, berdasarkan analisis terhadap 377 projek melibatkan 60,382 rumah atau 301,910 penduduk mendapati pencapaian sebenar projek sehingga Oktober 2023 hanya sebanyak 34.4%. Ini bermakna **29,910 rumah atau 149,550 penduduk bagi 32 projek masih belum mendapat akses bekalan air bersih dan terawat** disebabkan projek tidak dilaksanakan mengikut perancangan dan tempoh yang ditetapkan.
- f. Butiran lanjut pencapaian rumah dan penduduk yang menerima akses bekalan air bersih dan terawat bagi BALB Sarawak dan Sabah seperti dalam **Rajah 5** dan **Rajah 6**.

RAJAH 5
PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK BALB RETIKULASI DAN
NAIK TARAF/BINA BARU LOJI SARAWAK SEHINGGA OKTOBER 2023



Sumber: Laporan Perincian Pelaksanaan Projek BALB Sarawak Sambungan RMKe-10 dan RMKe-11 dan Maklum Balas Pada 18 Januari 2024

RAJAH 6
PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK BALB RETIKULASI DAN
NAIK TARAF/BINA BARU LOJI SABAH SEHINGGA OKTOBER 2023



Sumber: Laporan Perincian Pelaksanaan Projek BALB Sabah Sambungan RMKe-10 dan RMKe-11

Maklum balas KKDW yang diterima pada 4 September 2023

Kelewatan pelaksanaan projek BALB disebabkan oleh faktor kelulusan izin lalu dan pengambilan balik tanah mengambil masa yang lama, pertindihan projek BALB dengan projek yang dilaksanakan oleh pihak lain mengambil masa untuk diselesaikan dan mengganggu proses reka bentuk projek serta halangan di tapak.

KKDW dan JBALB akan berusaha untuk mempercepatkan proses pelaksanaan projek ini. Makmal Kajian Nilai bagi projek bernilai RM50 juta ke atas akan dibuat di peringkat reka bentuk konsep berbanding di peringkat reka bentuk terperinci seperti diamalkan sebelum ini.

Penetapan sasaran output dinilai semula berdasarkan bilangan rumah penerima manfaat daripada projek BALB yang disiapkan dalam tempoh RMKe-11 dan bukan berdasarkan bilangan rumah mengikut projek diluluskan dalam RMKe-11.

5.1.4. Akses Bekalan Air Bersih dan Terawat Kepada Penduduk

a. Penyambungan Meter dan Paip dari *Meter Stand* ke Rumah Tidak Dibuat

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB 31 Mei 2017 menyatakan penyambungan paip retikulasi adalah daripada paip utama PBAN ke kampung-kampung dan ke rumah-rumah (sehingga meter stand). Kos penyambungan meter dan paip dari *meter stand* ke rumah perlu ditanggung sendiri oleh pemilik rumah berkenaan.
- ii. Analisis Audit terhadap 12 sampel projek siap BALB Sabah yang dilawati mendapati, setakat Oktober 2023 sebanyak 1,382 (36.1%) daripada 3,824 rumah yang disasarkan dalam kontrak telah membuat penyambungan meter. Baki sebanyak **2,442 (63.9%) rumah belum membuat penyambungan meter** seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN RUMAH YANG MEMBUAT PENYAMBUNGAN METER BAGI BALB SABAH

BIL.	PROJEK BALB	TARIKH SIAP	PENERIMA MANFAAT (Bilangan Rumah)				
			KONTRAK (a)	MEMBUAT PENYAMBUNGAN METER (b)	%	PERBEZAAN (Bil. Rumah) (c)=[(b)-(a)]	%
1.	Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 9 - Daerah Sandakan	01.11.2021	354	296	83.6	(58)	(16.4)
2.	Tapak Mesej Kg. Bunang Fasa 1, 2 & 3, Sook, Keningau	30.06.2021	494	270	54.7	(224)	(45.3)
3.	Kg. Bakung-Bakung di Pulau Lihak-Lihak, Semporna	30.09.2021	135	63	46.7	(72)	(53.3)
4.	Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang Dan Sekitarnya, Sandakan	13.11.2018	588	259	44	(329)	(56)
5.	Kawasan Apin-Apin, Keningau	23.03.2022	1,589	185	11.6	(1,404)	(88.4)
6.	Pekan Menumbok, Kuala Penyu	01.09.2021	528	142	26.9	(386)	(73.1)
7.	Sistem Paip Sekunder Kg. Merungin 2 Ranau	29.06.2021	30	36	120	6	20
8.	Sistem Paip Sekunder Kg. Lintuhun Lingkudau Ranau	29.06.2021	20	47	235	27	135
9.	Sistem Paip Sekunder Kg. Dambalang Marakau Ranau	29.06.2021	20	41	205	21	105
10.	Sistem Paip Sekunder Kg. Tanjung Aru Kuala Penyu	07.04.2021	26	16	61.5	(10)	(38.5)
11.	Sistem Paip Sekunder Kg. Kabunau Manumpang Kuala Penyu	10.03.2021	20	17	85	(3)	(15)
12.	Sistem Paip Sekunder Kg. Kalampun Kuala Penyu	07.04.2021	20	10	50	(10)	(50)
JUMLAH KESELURUHAN			3,824	1,382	36.1	(2,442)	(63.9)

Sumber: Dokumen Kontrak dan Senarai Penyambungan Meter JANS

iii. Penyambungan meter dan paip belum dibuat antaranya disebabkan oleh perkara berikut:

- ketidakmampuan penduduk menanggung penyambungan meter dan paip dari *meter stand* ke rumah terutama di daerah Sandakan, Semporna dan Kuala Penyu. Temu bual Audit dengan penduduk kampung mendapati anggaran kos penyambungan meter dan paip dari *meter stand* ke rumah adalah antara RM750 hingga RM1,000 (termasuk deposit pemasangan meter berjumlah RM230); dan
- kebanyakan penduduk di daerah Keningau menggunakan sumber air alternatif iaitu telaga tiub atau graviti yang diuruskan sendiri.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 6 September 2023

JANS telah menerima 39 permohonan untuk penyambungan meter daripada penduduk Kg. Baitah untuk projek BALB Tapak Mesej Kg. Bunang Fasa 1, 2 dan 3, Sook, Keningau, Sabah.

Pendapat Audit	Pelaksanaan projek yang tidak mengikut perancangan menyumbang kepada kelewatan pencapaian sasaran. Penetapan sasaran perlu ditambah baik mengambil kira isu dan masalah yang telah dikenal pasti selari dengan Garis Panduan Program BALB sedia ada.
-----------------------	---

5.2. Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah

5.2.1. Pengurusan Kewangan

Arahan Perbendaharaan 54 menyatakan, Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan berkenaan dengan sesuatu program dan aktiviti atau projek yang diperuntukkan dalam Maksud Perbelanjaan Anggaran Belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan. Bagaimanapun, jika perbelanjaan bagi sesuatu program dan aktiviti atau projek telah dilebihi, dan tindakan untuk pindah peruntukan tidak dapat diambil selepas penutupan akaun tahun berkenaan, suatu laporan lengkap mengenainya hendaklah dibuat oleh Pegawai Pengawal kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri yang menurut budi bicaranya, boleh membenarkan amaun yang berkenaan itu dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sebagai pendahuluan kepada pegawai atas nama jawatannya, sementara menunggu keputusan mengenai cara penyelesaian.

5.2.1.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Projek BALB Sarawak dan Sabah

- a. Kos projek yang diperuntukkan bagi 96 projek BALB Sarawak adalah berjumlah RM1.647 bilion dan peruntukan bagi 477 projek BALB Sabah adalah berjumlah RM1.735 bilion.
- b. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Perincian status terkini pelaksanaan projek BALB Sarawak dan Sabah setakat Oktober 2023 mendapati sebanyak RM0.830 bilion (90.1%) bagi BALB Sarawak dan sebanyak RM1.030 bilion (93.9%) bagi BALB Sabah telah dibelanjakan. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK
BALB SARAWAK DAN SABAH DARI TAHUN 2016 HINGGA OKTOBER 2023

TAHUN	KOS PROJEK	PERUNTUKAN ASAL	PERUNTUKAN DIPINDA (a)	PERBELANJAAN (b)		BAKI (c) = (a) – (b) (RM Juta)
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	%	
BALB SARAWAK						
Projek BALB Retikulasi, Projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji dan Projek Alternatif						
2016	613.54	202.00	153.00	152.46	99.6	0.54
2017	652.41	217.00	125.00	123.75	99.0	1.25
2018	377.80	140.04	117.18	114.68	97.9	2.50
2019	1.97	195.50	119.32	118.03	98.9	1.29
2020	1.00	115.00	101.20	95.51	94.4	5.69
2021	-	204.70	102.96	100.71	97.8	2.25
2022	-	131.20	87.39	86.85	99.4	0.54
2023	-	64.45	116.37	38.83	34.0	77.54
JUMLAH BALB SARAWAK	1,646.72	1,269.89	922.42	830.82	90.1	91.60
BALB SABAH						
Projek BALB Retikulasi, Projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji, Projek BALB Sekunder dan Projek BALB Alternatif						
2016	663.09	206.00	89.90	88.27	98.2	1.63
2017	400.46	236.00	84.00	82.54	98.3	1.46
2018	415.77	164.00	77.87	76.02	97.6	1.85
2019	96.39	360.88	177.46	169.11	95.3	8.35
2020	81.70	464.05	244.17	232.65	95.3	11.52
2021	77.33	361.96	210.80	200.99	95.3	9.81
2022	-	129.00	141.89	139.25	98.1	2.64
2023	-	117.35	70.43	41.03	58.3	29.4
JUMLAH BALB SABAH	1,734.74	2,039.24	1,096.52	1,029.86	93.9	66.66

Sumber: Buku Vot dan Laporan Perincian Status Terkini Pelaksanaan Projek BALB Sarawak dan Sabah di bawah Sambungan RMKe-10 dan RMKe-11

5.2.1.2. Laporan Bajet Program dan Prestasi Tidak Menggambarkan Kedudukan Sebenar

- a. Para 12 - Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2017, PB 1.3 (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia) menyatakan laporan bajet program dan prestasi tahun 2017 akan menggunakan format pelaporan prestasi berdasarkan *outcome*, berpandukan Garis Panduan Bagi Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi.
- b. Para 5.3 - Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, PB 1.2 (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia) menyatakan Pengawai Pengawal bertanggungjawab memastikan penyaluran peruntukan kepada badan berkanun dibuat berdasarkan kepada keperluan aliran tunai dan prestasi pelaksanaan program/aktiviti/projek yang telah dipersetujui. Pegawai Pengawal dikehendaki memastikan permohonan penyaluran peruntukan kepada badan berkanun bagi suku ketiga dan suku keempat dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, Kementerian Kewangan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2020 dengan disertakan maklumat lengkap prestasi program dan kewangan serta keperluan aliran tunai.
- c. Semakan Audit terhadap Laporan Bajet Program dan Prestasi KKDW untuk projek BALB Sarawak bagi tahun 2017 mendapati baki peruntukan projek BALB Retikulasi Sarawak berjumlah RM1.24 juta (1%) dan RM4.98 juta (2.4%) bagi projek BALB Sabah pada tahun 2020. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak KKDW menyalurkan peruntukan sejumlah RM109.56 juta iaitu RM12 juta bagi projek BALB Sarawak pada 6 Disember 2017 manakala RM97.56 juta bagi projek BALB Sabah pada 16 November 2020 ke Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). RISDA telah dijadikan agensi pembayar namun penyaluran ini tidak dibelanjakan pada tahun semasa kerana projek belum siap. Pihak Audit juga mendapati **RISDA bukan salah satu agensi pelaksana bagi projek BALB Sarawak dan Sabah.**
- d. Semakan Audit mendapati, justifikasi penyaluran RM12 juta pada tahun 2017 bagi projek BALB Sarawak disebabkan berlaku sedikit kelewatan di dalam pelaksanaan projek secara keseluruhan akibat beberapa projek telah gagal di dalam penilaian tender dan projek perlu ditender semula. Selain itu, terdapat juga pertindihan projek BALB dengan jajaran pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang mengganggu proses memuktamadkan senarai kampung yang terlibat seterusnya melewati fasa reka bentuk akhir projek. Sebanyak tujuh projek telah dicadangkan pelaksanaannya pada tahun 2017 dan kesemua

projek ini masih di dalam peringkat reka bentuk dan dijangka akan ditender pada tahun 2018.

- e. Sehingga Oktober 2023, pihak Audit juga mendapati 13 projek BALB Sabah masih belum dibayar menggunakan peruntukan yang disalurkan kepada RISDA iaitu tiga projek telah dibatalkan, tujuh belum dibayar sepenuhnya, dua telah dibayar interim dan satu dalam penyambungan elektrik. Maklumat terperinci adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PROJEK BALB SABAH MASIH BELUM DIBAYAR
MENGGUNAKAN PERUNTUKAN YANG DISALURKAN KEPADA RISDA

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS TERKINI (Oktober 2023)
PROJEK BALB SABAH			
1.	Sistem Paip Sekunder Kg. Basai Baru	TM	Batal
2.	Sistem Paip Sekunder Kg. Naparan (Surau)	TM	Batal
3.	Sistem Paip Sekunder Kg. Babangkong Mesapol	TM	Batal
4.	Sistem Paip Sekunder Kg. Linungkung Jalan Gereja RC	0.50	Belum Bayar
5.	Sistem Paip Sekunder Kg. Kuala Merotai	0.48	Belum Bayar
6.	Loji Rawatan Air ke-2 Pitas	6.50	Belum Bayar
7.	Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang dan Sekitarnya, Sandakan	TM	Belum Bayar
8.	Sistem Retikulasi Negeri Sabah Tahun 2011/2012 - Zon 6A(1)	TM	Belum Bayar
9.	Sistem Retikulasi Negeri Sabah Tahun 2011/2012 - Zon 6A(2)	TM	Belum Bayar
10.	Kota Belud, Sabah- Zon 6A(3)	TM	Belum Bayar
11.	Agropolitan Gana	6.00	Interim 1 - 6
12.	Agropolitan Banggi	TM	Interim 1 - 4
13.	Tahun 2014 Negeri Sabah Zon 3 Daerah Semporna	TM	Penyambungan Elektrik
JUMLAH		13.48	

Sumber: KKDW dan KKDW Negeri Sabah

Nota: TM - Tiada Maklumat

- f. Semakan Audit selanjutnya terhadap baucar bayaran di RISDA mendapati pihak KKDW mengarahkan pembayaran dengan menggunakan baki peruntukan RM12 juta tersebut bagi lima projek BALB Retikulasi dan satu projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji untuk projek BALB Sarawak dengan jumlah keseluruhan pembayaran sebanyak RM8.29 juta (69.1%) pada tahun 2018, 2021, 2022 dan 2023. Bagaimanapun, pembayaran ini bukan untuk tujuh projek yang dicadangkan pembayaran semasa penyaluran ke RISDA pada tahun 2017.
- g. Seterusnya bagi projek BALB Sabah sebanyak RM82.94 juta (85%) telah dibayar bagi 11 projek BALB Retikulasi, 156 projek BALB Sistem Paip Sekunder, sembilan projek BALB Alternatif dan satu projek Naik Taraf/Bina

Baru Loji pada tahun 2021 dan 2022. Baki peruntukan projek BALB Sabah belum dibelanjakan disebabkan tuntutan belum dikemukakan oleh kontraktor/perunding, penjimatan pelaksanaan projek dan projek sekunder dibatalkan.

- h. Daripada jumlah bayaran tersebut, baki peruntukan yang masih belum dibayar oleh RISDA di bawah KKDW setakat bulan Oktober 2023 bagi projek BALB Sarawak adalah sejumlah RM3.71 juta (30.9%) dan RM14.62 juta (15%) bagi projek BALB Sabah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PEMBAYARAN PROJEK BALB SARAWAK DAN SABAH OLEH RISDA

PROJEK BALB	BILANGAN PROJEK BALB	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)	PEMBAYARAN KEPADA KONTRAKTOR (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
Sarawak	5 BALB Retikulasi	12.00	8.29	3.71 (30.9%)
	1 BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji			
Sabah	11 BALB Retikulasi	97.56	82.94	14.62 (15%)
	156 BALB Sistem Paip Sekunder			
	1 BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji			
	9 BALB Alternatif			
JUMLAH		109.56	91.23	18.33 (16.7%)

Sumber: Kenyataan Bayaran dan Baucar Bayaran RISDA

- i. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Bajet Program dan Prestasi KKDW bagi Projek BALB Sarawak dan Sabah mendapati **baki peruntukan projek BALB Retikulasi Sarawak pada tahun 2017 berjumlah RM1.24 juta dan RM4.98 juta bagi projek BALB Sabah pada tahun 2020 tidak menggambarkan jumlah baki yang sebenar pada tahun tersebut**. Sekiranya peruntukan tersebut tidak disalurkan ke RISDA, jumlah sebenar baki peruntukan bagi projek BALB Retikulasi Sarawak pada tahun 2017 adalah berjumlah RM13.24 juta dan RM102.54 juta bagi projek BALB Sabah. Ini memberi kesan kepada Laporan Bajet Program dan Prestasi KKDW bagi Projek BALB Sarawak yang perlu diserahkan kepada Kementerian Kewangan di mana perbelanjaan telah direkodkan lebih tinggi daripada yang sebenar dan baki pula direkodkan pada jumlah yang lebih rendah bermula tahun 2017 bagi BALB Sarawak dan BALB Sabah bermula 2020.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 4 September 2023, 5 Oktober 2023, 10 Oktober 2023 dan 27 Disember 2023

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) Para 54, menyatakan segala kawalan perbelanjaan adalah di bawah bidang kuasa Pegawai Pengawal. Peruntukan yang disalurkan kepada RISDA bagi tujuan butiran projek BALB Sarawak dan bukannya dipindahkan bagi kegunaan projek lain. Oleh itu, ianya tidak diklasifikasikan sebagai pindah peruntukan/butiran. RISDA hanya bertindak sebagai agensi pembayar berdasarkan arahan daripada Bahagian Prasarana. Pindahan peruntukan ini telah mendapat kelulusan KSU selaku pegawai pengawal bagi tujuan pembayaran projek-projek yang tidak dapat dibayar pada tahun semasa untuk memastikan pelaksanaan projek tidak tergendala disebabkan ketiadaan peruntukan.

Bahagian Prasarana akan menyemak semula keperluan dan baki peruntukan di RISDA serta akan mengadakan perbincangan sebelum akhir suku pertama 2024 dengan Kementerian Kewangan.

Pendapat Audit | **Penyaluran peruntukan kepada agensi bukan pelaksana bagi tujuan pembayaran menjejaskan Laporan Bajet Program dan Prestasi Tahunan. Pegawai Pengawal perlu mengawal peruntukan dan perbelanjaan di bawah seliaannya bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dipertingkatkan.**

5.2.2. Status Selepas Penyerahan Projek - Pengoperasian dan Penyenggaraan

- a. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB, Bahagian Prasarana, KKDW di bawah para VI (i)(c) Mekanisma Pelaksanaan menyatakan projek BALB yang siap dilaksanakan akan diserahkan kepada PBAN untuk pengoperasian dan penyenggaraan secara berterusan.
- b. Para 26 Enakmen Bekalan Air Sabah 2003, menyatakan bahawa segala paip penghubung yang sedia ada atau yang akan dipasang kemudian dari ini boleh terletak hak pada Pihak Berkuasa Bekalan Air dan Pihak Berkuasa Bekalan Air itu hendaklah, dengan perbelanjaannya sendiri, menjalankan apa-apa kerja penyenggaraan yang perlu, pembaikan, atau pembaharuan paip itu, dan apa-apa kerja pada sesalur mereka dan yang bersampingan dengannya.
- c. Semakan Audit terhadap projek yang telah siap dan diserahkan kepada PBAN yang seterusnya dioperasi dan disenggarakan oleh operator air mendapati perkara berikut:


5.2.2.1. Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan

Semakan Audit mendapati **tangki perkhidmatan bernilai RM9.20 juta di projek saluran paip utama dari Loji Batu Kitang ke Tangki Bukit Entingan dan ke Tangki Batu 9¾ Samarahan tidak digunakan oleh pihak LAK sejak projek siap pada 19 Mac 2018** seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**. Tangki perkhidmatan yang tidak digunakan berisiko untuk rosak dan terbenkakai selain ketidaksediaan tangki jika diperlukan.

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Projek Loji Batu Kitang ke Tangki Bukit Entingan dan ke Tangki Batu 9¾ Samarahan
- Tangki Air Tidak Digunakan oleh Pihak Lembaga Air Kuching (LAK)
(01.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



GAMBAR 4



Projek Loji Batu Kitang ke Tangki Bukit Entingan dan ke Tangki Batu 9¾ Samarahan
- Pintu Penyenggaraan Tangki Air Pecah Akibat *Vandalisme*
(01.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KKDW yang diterima pada 4 September 2023 dan 5 Oktober 2023

Projek BALB Retikulasi hanya ditender selepas mendapat kelulusan reka bentuk akhir daripada JBALB. Projek BALB siap dilaksanakan akan diserahkan oleh KKDW kepada JBALB untuk pengoperasian dan penyenggaraan serta kutipan tarif air. Menjadi tanggungjawab pihak JBALB untuk memastikan infrastruktur yang telah siap digunakan sepenuhnya.

Satu dokumen rasmi penyerahan projek dari KKDW kepada JBALB akan diwujudkan bagi setiap projek yang telah siap dan CPC telah dikeluarkan. Draf dokumen tersebut

dalam penelitian KKDW dan dijangka boleh dikuatkuasa pada selewat-lewatnya akhir tahun 2023 (bagi projek yang siap pada 2023 dan ke atas).

Maklum balas LAK yang diterima pada 19 September 2023 dan 27 Disember 2023

LAK memaklumkan pam penggalak di Loji Rawatan Air Batu Kitang telah dinaiktaraf selepas pembinaan tangki air Batu 9¾. Buat masa ini, bekalan air adalah disalurkan secara *direct pumping* ke Tangki Air Entingan. Tangki Air Batu 9¾ juga akan meningkatkan keupayaan penyaluran bekalan air ke kawasan Puncak Borneo serta kawasan-kawasan di sekitarnya.

Projek Entingan, permintaan asal air di kawasan Samarahan berjumlah 18JLH sehari telah meningkat kepada 26JLH semasa projek siap pada 19 Mac 2018. Oleh yang demikian, tangki Batu 9¾ tidak dapat diisi. Tangki tersebut terpaksa dibuka saluran terus (*bypass*) agar bekalan dan tekanan mencukupi untuk kawasan Asajaya serta kawasan Lubok Bunting dan juga Lubok Punggor. LAK telahpun mempunyai perancangan untuk menaiktaraf loji 4 daripada 100JLH kepada 200JLH untuk menyelesaikan masalah bekalan dan tekanan/*bypass* di tangki Batu 9¾ ini.

Tangki Batu 9¾ berada dalam senggaraan pihak Lembaga secara bulanan oleh pihak kontraktor dilantik. Tangki tersebut akan mula digunakan sementara pada akhir tahun 2023 setelah sistem bekalan stabil dan akan digunakan secara sepenuhnya pada tahun 2025 setelah siap projek Naik Taraf Loji No. 4, Batu Kitang yang telah diiklan tender pada 8 November 2023. Ini adalah untuk bekalan terus ke Tangki Bukit Entingan di Samarahan.

5.2.2.2. Komponen Aset Projek Rosak

- a. Lawatan Audit pada bulan Jun 2023 di Loji Air Kg. Limbawang, Beaufort mendapati komponen projek rosak seperti berikut:
 - i. Pam *Submersible* yang bernilai RM99,000 telah rosak menyebabkan pam tunggu sedia terpaksa beroperasi sepenuh masa seperti dalam **Gambar 5.**
 - ii. *Blower* bernilai RM36,450 tidak berfungsi kerana tali sawat motor *blower* telah haus dan putus yang boleh menyebabkan kandungan oksigen dalam air berkurang dan air berbau.



GAMBAR 5

LRA Limbawang, Beaufort
- Pam Submersible yang Rosak
(12.06.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

b. Lawatan Audit ke LRA Jaya Bakti, Beluran pada Mei 2023 mendapati terdapat kerosakan pada komponen projek seperti berikut:

- i. Sistem pam dan peralatan-peralatan sokongan bagi sistem *Electro Chlorination* (EC) yang berjumlah RM1.21 juta seperti pam, alas pam, konduit, penutup longkang, kebuk-kebuk, kotak *chiller* dan penutup kipas dalam bilik pengklorinan berkarat teruk dan rosak memendekkan jangka hayat peralatan sokongan dalam bilik pengklorinan seperti dalam **Gambar 6** dan **Gambar 7**.
- ii. Sistem pemproses enap cemar yang dibina dengan kos RM469,959 tidak berfungsi kerana *mixer* pada *sludge pool* rosak. Ini menyebabkan *belt filter press* dalam *sludge room* untuk memproses sisa enap cemar tidak dapat digunakan seperti dalam **Gambar 8** dan **Gambar 9**.

GAMBAR 6



LRA Jaya Bakti, Beluran
- Peralatan-Peralatan di dalam Bilik Pengklorinan yang Berkarat Teruk
(23.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



LRA Jaya Bakti, Beluran
- Peralatan-Peralatan di dalam Bilik Pengklorinan yang Berkarat Teruk
(23.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



LRA Jaya Bakti, Beluran
- Mixer Pada Sludge Pool/Rosak
(23.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



LRA Jaya Bakti, Beluran
- Sistem Pemproses Enap Cemar Loji Rawatan
Tidak Digunakan
(23.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JANS yang diterima pada 27 Disember 2023 dan 10 Mei 2024

Pembaikan peralatan bagi komponen sistem pam dan peralatan sokongan sistem EC yang rosak telah diambil tindakan pembaikan. Bukti bergambar telah dikemukakan kepada pihak JAN. Bagaimanapun, kontrak penyelenggaraan bangunan meliputi penyelenggaraan sistem pemprosesan enap cemar masih dalam proses pelaksanaan.

Pendapat Audit | **Ketiadaan penyelenggaraan secara berkala dan kelewatan pembaikan aset menjejaskan operasi bekalan air dan jangka hayat aset menyebabkan kerugian kepada dana Kerajaan serta bekalan air tidak dapat dimanfaatkan oleh rakyat.**

c. Gangguan Bekalan Air Kepada Pengguna

- i. Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 9 Daerah Sandakan yang siap pada 1 November 2021 menyediakan akses bekalan air kepada sembilan kampung yang melibatkan 354 buah rumah.
- ii. Lawatan fizikal Audit pada 24 Mei 2023 di empat buah kampung mendapati **dua kampung iaitu Kg. Lalasun dan Kg. Semawang kerap mengalami gangguan bekalan air menyebabkan air terawat tidak sampai kepada penduduk walaupun projek BALB telah siap dilaksanakan** disebabkan perkara berikut:
 - **Kg. Lalasun**
 - **Saluran paip sedia ada yang menyambungkan sumber air terawat dari LRA Segaliud ke projek BALB di Kg. Lalasun sering mengalami kebocoran kerana**

kedudukan saluran paip air tersebut yang berhampiran *earth drain* ditenggelami air seperti dalam Gambar 10.



GAMBAR 10

Saluran Paip Utama Ke Kg. Lelasun
- Saluran Paip Utama Ditenggelami Air
(23.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- **Kg. Semawang**
 - **Kawasan LRA Bukit Garam, Kinabatangan yang membekalkan air ke Kg. Semawang belum mempunyai bekalan elektrik menyebabkan LRA beroperasi menggunakan set *generator* yang sering mengalami kerosakan** seperti dalam **Gambar 11**. Sebanyak 13 kali kerosakan *generator* telah dilaporkan sepanjang tahun 2022.



GAMBAR 11

Set *Generator* LRA Kg Bukit Garam, Kinabatangan
- Set *Generator* Sering Berlaku Kerosakan
(07.11.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Sebanyak 170 aduan kebocoran direkodkan oleh JANS untuk Kg. Lelasun dan **20 notis gangguan bekalan air JANS telah dikeluarkan untuk Kg. Semawang sejak bulan September 2022 sehingga tarikh pengauditan pada bulan Mei 2023.**

Maklum balas JANS yang diterima pada 6 September 2023, 27 Disember 2023 dan 10 Mei 2024

Gangguan bekalan air di Kg. Lelasun disebabkan oleh kekerapan paip pecah di Kawasan Batu 10 Kampung Sungai Batang. JANS sedang melaksanakan satu projek melibatkan kerja-kerja pembinaan lima buah tangki utama dan penggantian paip yang

mengambil kira pembaikan saluran paip ke Kg. Lelasun. Projek dijangka siap sepenuhnya pada 24 Julai 2026.

Gangguan bekalan air di Kg. Semawang disebabkan oleh kerosakan set janakuasa di loji rawatan air Kinabatangan. Melalui program di bawah biayaan Kerajaan Negeri, kerja-kerja melibatkan penyambungan bekalan elektrik daripada pihak SESB sedang dijalankan dan dijangka siap pada Disember 2024.

Pendapat Audit | **Gangguan bekalan air yang tidak ditangani dengan baik menyebabkan masalah gangguan air tidak dapat diselesaikan dan penduduk tidak dapat menikmati bekalan air bersih dan terawat.**

6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan projek ini mencapai objektifnya, adalah disyorkan supaya KKDW mengambil tindakan penambahbaikan berikut:

- 6.1. Mengkaji semula sasaran dan objektif program supaya lebih realistik, boleh diukur dan konsisten berdasarkan kebolehcapaian serta kemampuan pelaksanaan projek;
- 6.2. Menambah baik garis panduan sedia ada agar lebih komprehensif dengan mengambil kira koordinasi dengan Kerajaan Negeri melalui perbincangan isu-isu berkaitan sebelum projek bermula dan selepas penyerahan projek yang meliputi aspek penguatkuasaan dan penyenggaraan; dan
- 6.3. Memastikan pengurusan dan kawalan kewangan dilaksanakan dengan menyelenggara rekod peruntukan dan perbelanjaan yang tepat serta dibelanja mengikut keperluan dan ketetapan.

